

## PROGRAM BERSAMA RUMAH PERMATA KASIH

Jumaat, 14 April 2014, satu program anjuran JKE dibawah kelolaan Pn Noraini Mansor dan pelajar DEP3A bersama 15 orang pensyarah dari JKE bagi melengkapkan projek AW101 (SoftSkill) telah dijalankan. Program tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai kemahiran untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat atau komuniti setempat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan semangat kerjasama dan kerja berpasukan dikalangan pelajar disamping melatih para pelajar dengan kemahiran insaniah semasa menganjurkan dan mengendalikan sesebuah program. Seramai 16 orang anak-anak Rumah Permata Kasih telah diraikan didalam program berkenaan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan, antaranya ialah aktiviti bergembira bersama PRS (Pembimbing Rakan Sebaya), Solat Asar berjemaah, sukaneka dan jamuan makan. Rumah Permata Kasih Taman Pauh Jaya ini juga telah menerima sedikit sumbangan hasil kutipan yang dibuat di semua Jabatan Akademik di Politeknik Seberang Perai dan juga pihak luar.



*Laporan disediakan oleh: Zainab Bt Yusof*